

# Elak penularan penyakit haiwan ternakan



**TIMBA ILMU...** 19 peserta di seluruh Sarawak yang menyertai kursus 'Pengurusan Kesihatan dan Kawalan Penyakit Ruminan: Menjamin Keuntungan Ternakan Anda' di Bintulu, baru-baru ini.

**BINTULU:** Seramai 19 peserta menyertai kursus intensif bertajuk 'Pengurusan Kesihatan dan Kawalan Penyakit Ruminan: Menjamin Keuntungan Ternakan

Anda' di Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) di sini, baru-baru ini.

Menurut kenyataan UPMKB, program anjuran Jabatan Sains

Haiwan dan Perikanan (JSHP), Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan (FSPH) UPMKB itu dilakukan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar

(JPV) Sarawak Bahagian Bintulu dan Momobes Farm Bintulu.

"Peserta terdiri daripada penternak sedia ada dan penternak baharu dari Miri, Mukah, Betong, Saratok, Kuching dan termasuk Bintulu.

"Dalam kursus ini, peserta didebakkan dengan teori dan praktikal mengenai pengurusan penyakit ruminan antaranya Anthrax, Penyakit kuku dan mulut (FMD), Lumpy Skin Disease (LSD) dan Hemorrhagic Septicaemia (HS) yang perlu pengurusan yang baik bagi memastikan keuntungan dan kesejahteraan ternakan.

"Selain itu, peserta juga dinisahkan agar tidak mengambil bekalan ternakan dari sumber ladang atau kawasan yang tidak diketahui status penyakitnya bagi mengelakkan penularan penyakit

tersebut," kata kenyataan itu.

Para peserta dibimbing oleh penceramah UPMKB, iaitu Profesor. Madya Dr. Juriah Kamaludeen dan Dr. Bura Paul Thlama yang merupakan pensyarah pakar dalam kesihatan ternakan.

Manakala, Pegawai Veterinar JPV Bintulu Dr. Naziah Muntil berkongsi mengenai status ternakan di Sarawak dan peranan JPV kepada penternak di Sarawak.

Bagi sesi praktikal di Ladang Momobes, peserta diberikan peluang untuk mengaplikasikan pengetahuan yang telah dipelajari seperti cara mengesan tanda-tanda awal penyakit, teknik pengendalian ternakan yang selamat serta langkah-langkah yang perlu diambil untuk merawat ternakan yang sakit.